

0805

U B778 AAB
MT - MUZAKARAH R'R'R'

KUALA LUMPUR, 7 FEB (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI BERSETUJU SUPAYA PARTI ITU MENGADAKAN MUZAKARAH DENGAN PAS SERTA MEMUTUSKAN BAHAWA DAYAUSAHA UNTUK SEGALA URUSAN MENGADAKAN PERBINCANGAN ITU AKAN DIJALANKAN OLEH UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, KEPUTUSAN JUGA DICAPAI SUPAYA PERBINCANGAN ANTARA DUA PARTI ITU DIJALANKAN SECARA TERTUTUP DAN TAJUK-TAJUK PERBINCANGAN TIDAK DIUMUMKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MT SELAMA EMPAT JAM DI MENARA DATO ONN, KOMPLEKS UMNO, DI SINI TARIKH DAN TEMPAT MUZAKARAH ITU BELUM DITENTUKAN.

SEBELUM INI YANG DIPERTUA PAS HAJI YUSOF RAWA TELAH PUN MENYATAKAN PERSETUJUAN PARTINYA UNTUK MENGADAKAN MUZAKARAH DENGAN UMNO TANPA MENGENAKAN SEBARANG SYARAT.

MENGENAI WAKIL-WAKIL UMNO KE MUZAKARAH ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BUAT MASA INI, UMNO BELUM MENENTUKAN SIAPAKAH DARIPADA PARTI ITU YANG AKAN MENYERTAI PERBINCANGAN TERSEBUT. -- LAGI
1514MST 07 02 87

U B787 AAB
MT - MUZAKARAH 2 KUALA LUMPUR

DITANYA SAMA ADA UMNO YAKIN MUZAKARAH ITU AKAN BERJAYA, DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN: +KITA HENDAKLAH JANGAN MEMBUAT RAMALAN. APA YANG PENTING IALAH KITA BERUSAHA. SAMA ADA IA BERJAYA ATAU TIDAK ADALAH KUASA ALLAH.+

BELIAU BERKATA WALAUPUN PERBINCANGAN ITU DIADAKAN SECARA TERTUTUP, ORANG RAMAI DAN AKHBAR AKAN DIBERITAHU TARIKH, TEMPAT DAN MASA MUZAKARAH ITU DIADAKAN.

BELIAU MENAMBAH PIHAK AKHBAR DIBENARKAN MENGAMBIL GAMBAR PERBINCANGAN ITU.

SEMENTARA ITU, PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ISLAM NEGARA INI SEBELUM INI TELAH MENYATAKAN SOKONGAN MEREKA SUPAYA MUZAKARAH ANTARA PAS DAN UMNO YANG BERTUJUAN MENYATUKAN UMMAH DIADAKAN. -- BERNAMA
1544MST 07 02 87